

COVID-19

By Martha Keswick + Mariko Jesse + Timothy Sim

Kekal Selamat dan Senyum!



Mahaguru Fu dan pasukan COPE, adalah pasukan ejen pengurangan risiko bencana, kini sedang mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Akademik COPE.

Misi kita adalah untuk memastikan anda
SELAMAT dan SENYUM
ketika melalui COVID-19.

Anda juga boleh mendengar kisah
harian PKP kanak-kanak lain.

Dengar baik-baik ye!



Mahaguru Fu

Sense



Woof woof!



Rescue

Scan here to find
out more about
The COPE Squad.




Sekarang apa yang perlu kita tahu tentang COVID-19, COPE?

Ia adalah sejenis virus, juga dikenali sebagai koronavirus.

Simptom utamanya adalah batuk, demam dan kesukaran bernafas.

Virus ini sangat kecil, kita hanya boleh melihat ia menggunakan mikroskop. Ia tersebar dengan cepat melalui batuk dan bersin oleh mereka yang sakit dan bila mereka menyentuh orang lain dan objek-objek lain di sekeliling mereka.



Kita kena bersedia!

..... Pasukan COPE

C

..... Candy

O

..... Ollie

P

..... Ping

E

..... Eddy

KEKAL SIHAT

Basuh tangan dengan sabun dan air sambil menyanyikan lagu kegemaran anda selama 20 saat!



Bagus, Rescue!



Tutup mulut dengan siku atau tisu ketika anda batuk... dan buang tisu itu ke dalam tong sampah yang bertutup. Patuhi perintah pemakaian pelitup muka. Jangan sentuh muka anda, terutamanya mata, mulut dan hidung.



Menari dengan rakan anda dalam talian.
Bersenam di rumah. Cuba lakukan yoga.

Posisi yang menarik, Ollie!



KEKAL

AKTIF



Bermain dam ular – pastikan anda kemas selepas bermain. Tulis diari PKP.

KEKAL SELAMAT

Beritahu ibubapa anda jika anda berasa tidak sihat. Kekalkan jarak sosial (10 biji bola sepak). Jangan berkongsi perkakasan makanan atau tuala, kecuali anda yakin ia telah dibasuh dengan bersih.



lanya Okay untuk berasa sedih dan bosan. Berbual dengan rakan-rakan. Cuba sebaiknya untuk kekal mengikuti pembelajaran di rumah – minta bantuan ahli keluarga untuk membaca bersama dengan anda. Berbual dengan atuk dan nenek anda menggunakan panggilan video.



Giliran awak, Sense!

KEKAL SENYUM

SINGAPURA

Hello! Saya Gabriel. Saya berumur 10 tahun. Ibu dan ayah saya bekerja sebagai pembantu gerai di Hawker Centre yang terkenal.

Kakak saya Peggy berumur 17 tahun. Kami tinggal di pangsapuri yang kecil. Peggy mula mengalami gejala batuk dan demam. Walaupun dia takut, dia tetap pergi ke hospital untuk menjalani ujian saringan COVID-19. Kami menunggu keputusan ujian selama beberapa hari.

Ianya sangat sukar bagi Peggy untuk asingkan diri di rumah kerana kami semua tidur dalam bilik tidur yang sama. Tetapi kami sentiasa memastikan untuk tidak berkongsi tuala, penyepit atau cawan dan membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun. Ujian saringan Peggy menunjukkan ianya negatif. Kami sungguh gembira.




PAKISTAN

Hello! Saya Zain. Saya berumur 12 tahun. Saya tinggal di Bandar Orangi, berdekatan Karachi, kawasan yang paling sesak di dunia.

Saya anak bongsu daripada 4 orang abang. Pada kebiasaannya kami bebas berlari melalui jalan-jalan yang sempit, bermain layang-layang. Ia sangat sukar untuk duduk di rumah yang kecil sepanjang hari ketika PKP Covid-19.

Ayah kami bekerja di Thailand, sudah 5 bulan kami berjauhan dengannya. Kami tidak tahu bila ayah akan pulang ke rumah kami. Setiap petang, kami akan buat panggilan video, tapi ia tak sama. Kami sentiasa meluangkan masa dengan mereka bentuk lorong guli yang hebat mengelilingi bilik kami. Kami tidak percaya yang ia berjaya dilakukan!



AUSTRALIA

Selamat siang! Saya Waru. Saya berumur 12 tahun. Saya tinggal bersama ayah di bandar kecil yang sangat jauh dari bandar besar. Ayah saya seorang pelukis.

Saya selalu membantu ayah saya bekerja – kami sangat rapat! Setakat ini COVID-19 masih belum sampai di komuniti kami yang terpencil.



Kami sangat takut untuk keluar ke bandar untuk menjalani ujian saringan... tapi kami juga ingin menjaga keselamatan orang lain dan memastikan tidak ada virus masuk ke dalam komuniti kami. Kemudian kami dengar akan ada kemudahan ujian saringan COVID-19 yang baru dibuka di Pusat Kesihatan Woorabinda. Sekarang kami rasa berasa dilindungi.

JAPAN

Konnichiwa! Saya Sachi dari Kobe. Dalam Bahasa Jepun makna nama saya 'Gembira'. Saya berumur 8 tahun. Saya ada seorang adik bernama Ken berumur 5 tahun.

Ibu saya seorang jururawat dan ayah saya ahli farmasi. Ibu saya tidak boleh pulang ke rumah sejak beberapa hari sebab ibu perlu mengasingkan diri di tempat lain. Saya rindu mendengar cerita ibu bila waktu tidur.

Kami masih di benarkan pergi ke sekolah. Biasanya saya suka pergi ke sekolah tapi COVID-19 membuatkan saya rasa takut dan saya berhenti bersuara. Kanak-kanak lain beritahu saya untuk pergi jauh dari mereka kerana mereka menyangka saya seorang yang kotor sebab ibu saya seorang jururawat. Guru kami beritahu rakan-rakan sekelas untuk berbuat baik kepada kami, kerana kami adalah 'anak kepada seorang hero'. Saya bangga dengan pekerjaan ibu dan ayah saya.



SCOTLAND

Hi! Saya Grace. Saya berumur 14 tahun dan tinggal di Glasgow.

COVID-19 telah melanda UK dengan teruk. Ketika PKP, Ibu sudah mula batuk. Ibu sangat berani dan terus menjalani ujian saringan. Rupanya ia hanya lah batuk selsema biasa sahaja tapi sekurang-kurangnya kami tahu sebabnya.

Ibu kata mereka yang paling berisiko adalah etnik minoriti dan mereka yang tinggal di pusat jagaan ... tapi putera, perdana menteri, dan artis terkenal juga akan dijangkiti virus. Sepertinya COVID-19 akan menjangkiti semua orang. Kami ada hospital baru di Glasgow hanya untuk menempatkan pesakit COVID-19. Kami juga sayang pekerja kesihatan dan memberi tepukan kepada mereka setiap hari Khamis sebagai tanda terima kasih kami kerana menjaga.



KEKAL SIHAT

sentiasa basuh tangan. Cuba untuk tidak sentuh mata, mulut atau hidung. Pakai pelitup muka jika berasa tidak sihat.



KEKAL AKTIF

teruskan menari dengan rakan anda di atas talian.
Teruskan memasak! Bina kotak kubu.



KEKAL SELAMAT

Jaga jarak sosial anda dengan mereka yang tidak tinggal serumah. Elakkan berkongsi makanan dan minuman. Tanya ibubapa anda tentang panduan terkini di negara anda.



KEKAL SENYUM

Teruskan berbual dan berpelukan dengan atuk dan nenek dalam talian. Bergelak ketawa dengan rakan anda! Dengar diari PKP orang lain.

Jom kekalkan usaha yang baik!
Jadi lah Juara COPE COVID-19!

Sebarkan yang benar!

Kekal SELAMAT dan SENYUM!



Ingat, kita bersama-sama

#KITAJAGAKITA!





COPE Contributors

AUTHOR Martha Keswick

ILLUSTRATOR Mariko Jesse

EDITOR Timothy Sim

Published in Hong Kong by PPP Company Limited

Special thanks

Professor Lena Dominelli, *University of Stirling, UK*

Professor Sonoe Mashino, *University of Hyogo, Japan*

Professor Caryn West, *James Cook University, Australia*

Michelle Yeo, 🧑🏻 *Su Shan Lim* and 🧑🏻 *Dimitros Lim, ReadAble, Singapore*

Translated by Masayu Dzainudin, *Sultan Idris Education University, Malaysia*

Copyright © 2020 Martha Keswick, Mariko Jesse, Timothy Sim

www.cope-disaster-champions.com

📱 📷 [COPedisasterchampions](#)

unicef 

for every child